# ABSTRAK

Objektif utama penulis memilih tajuk "Sikap Manusia Dalam Menghadapi al-Qur'an Sebagaimana Yang Digambarkan Dalam Surah al-Baqarah (Ayat 1-20)" ialah untuk mengetahui kepentingan manusia kepada al-Qur'an dan sebab-sebab penolakkan mereka terhadapnya. Dalam penulisan kajian ilmiah ini penulis telah membahagikan kepada lima bab.

Dalam bab pertama, sebagai pendahuluan penulis memaparkan mengenai kedudukan Surah al-Baqarah, hikmat penamaannya, hubungan dengan surah sebelum dan selepasnya, keutamaan dan kandungan yang terdapat dalam surah ini. Penulis juga membentangkan tujuan penulisan, metodologi secara ringkas dan susunan penulisan dalam bab-bab yang akan dibentangkan.

Dalam bab kedua, sebagai landasan teori kepada tajuk ini, penulis membincangkan tentang manusia dan al-Qur'an. Aspek perbincangannya ialah mengenai definisi-definisi manusia dan al-Qur'an, fungsi al-Qur'an, fitrah manusia dan keperluannya kepada al-Qur'an, kewajiban orang beriman terhadap al-Qur'an, janji-janji baik kepada yang menunaikan dan ancaman kepada yang mengingkarinya, dan peranan al-Qur'an dalam kebahagiaan manusia sejagat. Hasil dari perbincangan bab ini penulis merumuskan bahawa fitrah manusia sangat memerlukan kepada al-Qur'an untuk dijadikan panduan hidupnya, kebahagiaan seseorang manusia bergantung sejauhmana penghayatan dan amalannya mengikut al-Qur'an.

Dalam bab ketiga, penulis membentangkan metodologi tentang cara mengumpulkan data dan fakta.

Dalam bab keempat pula merupakan kemuncak kepada bab-bab lain, dalam bab ini penulis mentafsirkan ayat-ayat yang berkaitan dengan tajuk berpandukan beberapa buku-buku, al-Qur'an dan Terjemahan serta kitab-kitab tafsir sebagai rujukan. Dalam ayat-ayat ini menceritakan orang-orang beriman yang mengikuti petunjuk al-Qur'an, orang-orang kafir yang mengingkarinya, dan orang-orang munafiq yang berpura-pura beriman secara zahir sedangkan batin mereka tidak beriman. Perbezaan sikap dan pembahagian golongan manusia seperti ini boleh didapati dalam sebarang masa dan tempat.

Dalam bab kelima pula, penulis membuat beberapa kesimpulan hasil dari penelitian dalam bab empat. Kesimpulan dibuat untuk memahami masalah yang berlaku dan saranan - saranan dikemukakan sebagai jalan penyelesaiannya.

# PENGHARGAAN

Dalam usaha menyiapkan Kertas Projek ini penulis telah terhutang budi kepada beberapa pihak. Pertamanya penulis merakamkan terima kasih kepada bonda yang banyak membantu penulis dalam pelajaran.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih, penulis tujukan khusus kepada yang dihormati al-Fadhilah Ustazah Seripah Zin Sayed Ali, selaku penyelia yang banyak membantu serta memberi bimbingan kepada penulis dalam usaha menyiapkan penulisan Kertas projek ini. Semoga jasa beliau mendapat ganjaran di sisi Allah s.w.t.

Tidak lupa juga penghargaan dan terima kasih, penulis tujukan kepada pihak Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Islam di Pusat Islam dan Perpustakaan Akademi Islam Nilam Puri Kelantan yang membantu penulis untuk mendapatkan buku-buku yang dikehendaki.

Penulis seterusnya merakamkan penghargaan dan rasa terima kasih kepada para pensyarah Akademi Islam yang banyak memberi nasihat, teguran dan tunjuk ajar kepada penulis.

Akhirnya penulis mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha penulis menyiapkan Kertas Projek ini samada secara langsung atau tidak langsung.

Penulis.

Januari, 1990.

KATA PENGANTAR

الحمد لله رب العالمين. والصلاة والسلام على أشرف المرسلين
وخاتم النبيين. الداعي إلى الله بإذنه والسراج المنير. نبينا محمد وعلى
آله وصحبه والمهتدين بهديه والداعين بدعوته إلى يوم الدين.

Al Hamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad s.a.w., para sahabat dan seluruh keluarganya.

Penulis mengucap syukur ke hadrat Allah s.w.t. yang memberi kekuatan kepada penulis untuk menyiapkan Kertas Projek ini sekadar kemampuan yang ada dalam tempoh yang ditetapkan.

Menyedari kepentingan al-Qur'an dalam kehidupan manusia penulis telah memilih tajuk yang berkaitan dengannya iaitu "Sikap Manusia Dalam Menghadapi al-Qur'an Sebagaimana Yang Digambarkan Dalam Surah al-Baqarah (Ayat 1-20)." Selain dari membuat huraian dan tafsiran ayat-ayat dalam surah ini, penulis juga menjelaskan keperluan fitrah manusia kepada petunjuk al-Qur'an. Tanpa keimanan kepada al-Qur'an manusia akan mengalami kekosongan jiwa hidup yang tidak ada matalamat. Al-Qur'an adalah sumber kebahagiaan kepada manusia kerana ianya datang dari Allah s.w.t. Pencipta Yang Maha Mengetahui keperluan manusia.

Kenyataan ini telah terbukti di peringkat awal penurunannya lagi. Di masa Rasulullah s.a.w., orang-orang yang beriman kepadanya telah mendapat hidayah dan kejayaan. Sebaliknya golongan kafir dan munafiq menolak seruannya kerana kepentingan-kepentingan mereka yang tertentu. Aki-

# KATA PENGANTAR

الحمد لله رب العالمين. والصلاة والسلام على أشرف المرسلين
وخاتم النبيين. الداعى إلى الله باذنه والسراج المنير. نبينا محمد وعلى
اله وصحبه والمهتدين بهديه والداعين بدعوته إلى يوم الدين ..

Al Hamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad s.a.w., para sahabat dan seluruh keluarganya.

Penulis mengucap syukur ke hadrat Allah s.w.t. yang memberi kekuatan kepada penulis untuk menyiapkan Kertas Projek ini sekadar kemampuan yang ada dalam tempoh yang ditetapkan.

Menyedari kepentingan al-Qur'an dalam kehidupan manusia penulis telah memilih tajuk yang berkaitan dengannya iaitu "Sikap manusia Dalam Menghadapi al-Qur'an Sebagaimana Yang Digambarkan Dalam Surah al-Baqarah (Ayat 1-20)." Selain dari membuat huraian dan tafsiran ayat-ayat dalam surah ini, penulis juga menjelaskan keperluan fitrah manusia kepada petunjuk al-Qur'an. Tanpa keimanan kepada al-Qur'an manusia akan mengalami kekosongan jiwa hidup yang tidak ada matalamat. Al-Qur'an adalah sumber kebahagiaan kepada manusia kerana ianya datang dari Allah s.w.t. Pencipta Yang Maha Mengetahui keperluan manusia.

Kenyataan ini telah terbukti di peringkat awal penurunannya lagi. Di masa Rasulullah s.a.w., orang-orang yang beriman kepadanya telah mendapat hidayah dan kejayaan. Sebaliknya golongan kafir dan munafiq menolak seruannya kerana kepentingan-kepentingan mereka yang tertentu. Aki-

batnya mereka hidup dalam kesesatan dan akhirnya hilang persediaan untuk menerima iman dalam diri mereka. Oleh itu pancaindera yang ada pada diri mereka tidak dapat berfungsi untuk memahami ayat-ayat Allah s.w.t. sekalipun kebenarannya tidak dapat mereka sangkal.

Semuga dengan penulisan yang serba kekurangan ini dapat memberi manfa'at kepada penulis dan pembaca lainnya dalam usaha memahami dan menambahkan pegentahuan agama.

Hanya setakat ini yang dapat penulis sediakan untuk kajian ilmiah ini. Kiranya terdapat sebarang kesilapan terlebih dahulu penulis memohon keampunan Allah s.w.t. dan juga kema'afan dari pihak-pihak yang berkenaan.

Wassalam.

Fakulti Usuluddin,
Akademi Islam,
Universiti Malaya,
22hb. Januari, 1990.

( Supinah Omar )